



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | |
|--------------|---|--------------------|------------|------|
| SURAT KHABAR | : | BH | | |
| TARIKH | : | 20/7/2021 (SELASA) | MUKA SURAT | : 14 |
| JABATAN | : | KeTSA/ JKPTG | | |

Pemajak tanah Persekutuan terjejas diberi diskaun 50 peratus

Kuala Lumpur: Semua pemajak tanah Persekutuan dalam sektor yang terjejas teruk berikutan wabak COVID-19 diberikan diskaun 50 peratus tahun ini.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata antara pemajak dikenal pasti paling teruk terjejas dan memerlukan masa untuk pulih terdiri daripada sektor pelancongan, perhotelan, penerbangan dan pelabuhan.

Beliau berkata, bagi pemajak yang tidak memenuhi kriteria untuk mendapatkan diskaun, mereka boleh membuat penjadualan semula bayaran serta dikecualikan daripada denda lewat bayar.

Katanya, inisiatif itu pendirian kerajaan yang amat prihatin dengan beban dihadapi masyarakat dan sektor ketika pandemik COVID-19.

"Kerajaan Persekutuan berse-

tuju dengan inisiatif bagi membantu pemajak tanah Persekutuan yang terabit dalam sektor terjejas teruk melalui pemberian diskaun kadar pajakan sebanyak 50 peratus bagi 2021 daripada nilai kadar pajakan tahunan kepada pemajak yang memenuhi kriteria ditetapkan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

"Sekiranya pemajak tidak memenuhi kriteria yang membolehkan pengurangan kadar pajakan

diberikan, pemajak boleh mengemukakan permohonan penjadualan semula bayaran pajakan bagi tahun 2021 kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan serta dikecualikan denda lewat," katanya semalam.

Kerajaan Persekutuan melalui Pesuruhjaya Tanah Persekutuan boleh memajak tanah Persekutuan kepada pihak lain berdasarkan Seksyen 221 Kanun Tanah Negara 1965 dengan menandata-

ngani Perjanjian Pajakan mengikut tujuan yang dibenarkan dan dikenakan bayaran pajakan secara tahunan.

Sementara itu, Shamsul Anuar berharap inisiatif itu dapat membantu pemajak menyusun semula aliran tunai mereka.

"Ini bagi mengekalkan perniagaan mereka di atas tanah Persekutuan, di samping mengelakkan tanah berkenaan terbiar," katanya.

**BH, 20 Jul
2021_14**

